

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK HJ. JALALUDDIN B. HJ. ALIAS
(JELEBU)**

TARIKH : 5 OGOS 2020

SOALAN

DATO' HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS [JELEBU] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini warga asing yang berada di depoh tahanan sementara dan apakah kekangan yang dihadapi oleh pihak Kementerian dalam urusan penghantaran pulang warga asing ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah tahanan warga asing di 14 buah Depot Tahanan Imigresen di seluruh negara yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) pada 2 Julai 2020 adalah seramai 15,281 orang.

Antara cabaran utama yang dihadapi oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dalam menguruskan penghantaran pulang adalah untuk mendapatkan peruntukan bagi membiayai urusan tersebut. Lazimnya, kos logistik tahanan yang akan dihantar pulang ke negara asal adalah ditanggung sendiri oleh tahanan, majikan, ahli keluarga, pihak kedutaan atau Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO).

Kementerian Dalam Negeri (KDN) turut berdepan dengan cabaran untuk mendapatkan kerjasama daripada kedutaan asing bagi memperaku kerakyatan dan mengeluarkan pasport atau dokumen perjalanan kepada tahanan di Depot Tahanan Imigresen atas faktor kekurangan bukti penentuan taraf kewarganegaraan. Selain itu, kekangan yang dihadapi termasuklah proses pendakwaan yang berlarutan dan keperluan tahanan sebagai saksi bagi kes-kes pendakwaan lain yang sedang berjalan.